

# Sasar 1.3 juta kunjungi 22 muzium

**Putrajaya:** Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menyasarkan 3.1 juta pengunjung ke 22 muzium di negara ini menerusi penganjuran pelbagai pameran dan program sepanjang tahun ini.

Ketua Pengarah JMM Kamarul Baharin A Kasim berkata, pihaknya merancang mengadakan 62 pameran dan program terutama untuk menarik pengunjung dari dalam negara.

“Antara program yang akan diadakan sepanjang tahun ini adalah Pameran Songket Asian, Wayang Kulit Se-Asia, Pameran Kemerdekaan dan Program Bermalam di Muzium sempena bulan kemerdekaan.

“Semua program dan pameran ini bertujuan memberi pendedahan kepada pengunjung selain meningkatkan lagi minat masyarakat untuk melawat muzium,” katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Buku dan Perasmian Pameran Nature’s Yield and Wonders of Arts NYAWA:Bird di

Muzium Alam Semulajadi di Presint 15, di sini, semalam.

Majlis pelancaran disempurnakan Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Ab Ghafar A Tambi.

Pameran NYAWA:Bird dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah inisiatif JMM melaksanakan Strategi Lautan Biru (NBOS) yang bertujuan membentuk kerjasama kreatif antara JMM dan pusat pengajian tinggi dalam memartabatkan khazanah negara.

Pameran bermula 28 Januari lalu hingga 15 Mei ini dijangka dikunjungi 9,000 pengunjung untuk melihat penemuan saintifik ahli akademik serta koleksi penyelidikan pelbagai jenis burung.

Sementara itu, Ab Ghafar berkata, permohonan JMM untuk memiliki bangunan kekal bagi menempatkan Muzium Alam Semula Jadi masih dalam proses perundingan dengan pelbagai pihak.